

Mesyuarat Perancangan & Pembangunan Pendidikan WP Labuan Tahun 2025



Labuan, 26 September 2025 – Sesi Libat Urus (SLU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Infrastruktur Pendidikan (JPPIB) Bilangan 2/2025 telah dilaksanakan pada 26 September 2025 (Jumaat).

Mesyuarat tersebut telah berlangsung dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang di Bilik Mesyuarat Botanikal, Jabatan Pendidikan WP Labuan, dengan dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan WP Labuan dengan kehadiran pegawai kanan jabatan, para pengetua dan guru besar serta guru pembangunan sekolah.

Antara agenda utama yang akan dibincangkan termasuk laporan status projek pembangunan dan penyelenggaraan semasa, cadangan projek pembangunan baharu, serta isu dan

cabaran berkaitan pembangunan infrastruktur pendidikan di wilayah ini.

Jabatan Pendidikan WP Labuan berharap mesyuarat tersebut dapat memperkukuh perancangan strategik pembangunan pendidikan, selain memastikan projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

[#jpwpl](#)

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)



